

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

5 lagi sekolah di Negeri Sembilan diarah tutup

Seremban: Lima lagi sekolah di Negeri Sembilan diarah tutup dua hari mulai semalam akibat COVID-19, menjadikan 31 sekolah sudah diarahkan tutup ketika ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan negeri, Datuk Dr Mohamad Rafie Ab Malek, berkata arahan penutupan sekolah terbabit dikeluarkan selepas di dapati terdapat kes positif COVID-19 dalam kalangan guru dan muridnya.

"Ia membabitkan tiga sekolah di daerah ini, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Sri Sendayan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sungai Salak dan SK Kompleks KLIA Nilai.

"Dua lagi sekolah ialah di Port Dickson iaitu SK Jimah Baru dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Tanah Merah.

"Sekolah ini ditutup selama dua hari bagi membolehkan Pejabat Kesihatan Daerah membuat penilaian risiko, pengesanan kontak rapat dan sekolah menjalankan proses disinfeksi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pertambahan itu menjadikan 31 sekolah sudah diarahkan tutup atas nasihat pejabat kesihatan daerah sejak 22 April lalu.

Penutupan sekolah boleh dilanjutkan melebihi tempoh dua hari berdasarkan saranan, nasihat dan penilaian risiko oleh PKD yang berkaitan.

Penularan COVID-19

3,332 kes baharu jangkitan

1,083 kes dikesan di Selangor, 15 kematian termasuk warga asing

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 3,332 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, dengan 1,083 kes dikesan di Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara kini sudah mencecah 404,925 kes.

Daripada jumlah kes di Selangor itu, katanya, sebanyak 741 kes (68.4 peratus) adalah daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 di lapangan.

"Ini diikuti Sarawak dengan 522 kes (15.7 peratus) dan Kelantan (401 kes/12.0 peratus).

"Selain itu, 45 kes atau 1.4 peratus yang dilaporkan adalah berkaitan kluster dalam penjara dan Depoh Tahanan Imigresen (DTI) membabitkan Kluster DTI Lenggeng (43) dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (dua)," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Pertambahan kes baharu itu



Petugas keselamatan, Rashid Ali membawa alat pembesar suara memberitahu orang awam supaya mematuhi SOP di bazar Ramadan Laman Niaga Komuniti, Bandar Baru Bangi, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 28,093 kes, iaitu 309 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 147 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, 15 kes kematian dilaporkan, membabitkan 14 warganegara dan seorang warga asing.

"Empat kes kematian masing-masing dilaporkan di Kelantan dan Kuala Lumpur, tiga di Selangor, dua di Sarawak serta masing-masing satu kes di Johor dan Sabah.

"Ia menjadikan jumlah kumulatif kes kematian kepada 1,492 kes atau 0.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Mengenai 12 kluster yang dikesan semalam, beliau berkata, empat adalah dalam kalangan komuniti, masing-masing tiga dari institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) dan kluster tempat kerja serta dua kluster keagamaan.

"Kluster komuniti ini membabitkan majlis pengubumian, iaitu Kluster Bukit Rotan (Kuala Selangor, Sabak Bernam, Petaling,

Klang dan Port Dickson) yang menjangkiti 16 kes.

"Selain itu, ialah Kluster Sileng Dayak (Lundu dan Kuching) menjangkiti 72 kes; Kluster Kampung Pemanok (Machang) menjangkiti 27 kes serta Kluster Raub Jaya (Raub, Lipis dan Bentong) menjangkiti 54 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster pendidikan KPM dinamakan sebagai Kluster Tabuan Jaya di daerah Kuching, Serian dan Samarahan, Sarawak yang menjangkiti 22 kes.

"Kluster lain ialah Kluster Batu Lada (Kuala Krai dan Machang) menjangkiti 21 kes dan Kluster Jalan Abdul Rahman Andak (Johor Bahru) menjangkiti 12 kes.

"Kluster tempat kerja ialah Kluster Jalan Rp Tiga di Gombak dan Hulu Selangor yang menjangkiti 46 kes.

"Turut dikesan Kluster Jalan Tiga Belas-Tiga di Petaling yang menjangkiti 14 kes, Kluster Jalan Adika Raja (Hulu Perak dan Baling) menjangkiti 34 kes.

"Bagi kluster keagamaan, ia dikenali sebagai Kluster Kampung Parit Bunga (Tangkak) menjangkiti lapan kes serta Kluster Jalan Pokok Assam (Larut, Matang dan Selama) menjangkiti 14 kes," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, sehingga jam 12 tengah hari semalam, 1,943 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih sepenuhnya ialah 375,340 kes atau 92.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM jamin fasiliti masih cukup tampung pesakit

Peningkatan kes harian mendadak perlu segera ditangani elak kesan lebih buruk

Oleh Mahani Ishak dan Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan memberi jaminan fasiliti yang ada masih mampu menampung jumlah pesakit COVID-19 biarpun berlaku peningkatan mendadak kes harian, terutama di Lembah Klang.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kerajaan belum sampai peringkat terdesak dari segi tambahan penyediaan kemudahan biarpun hospital swasta kini memaklumkan kekurangan katil bagi pesakit COVID-19, namun peningkatan kes harian yang mendadak, jika tidak ditangani sebaiknya boleh memberi kesan kepada fasiliti perubatan.

"Hospital swasta tawarkan 1,200 katil di seluruh negara dan kita akui jumlah penggunaan menokok," terutama di Lembah Klang.

"Namun, fasiliti Kementerian masih mampu tampung peningkatan jumlah pesakit, kita belum sampai peringkat terdesak.

"Contohnya, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang

(MAEPS) masih ada ruang," katanya ketika dihubungi, semalam mengulas laporan bahawa hospital swasta kini kekurangan katil bagi pesakit COVID-19 susulan peningkatan penularan jangkitan.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Dr Kuljit Singh dilaporkan berkata, orang ramai perlu mengambil serius perkara itu dan membantu mengurangkan penularan wabak bagi mengelak penutupan hospital.

PKRC MAEPS 2.0 yang diaktifkan kembali akhir Disember lalu, mampu menampung lebih 9,000 pesakit, termasuk mereka dalam kategori 3 dan 4.

Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur juga masih mampu menempatkan pesakit COVID-19 bagi kategori 3, 4 dan 5, iaitu mereka yang bergejala dan kritikal.

Dr Adham berkata, KKM juga melaksanakan strategi Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di setiap Pusat Kesihatan Daerah (PKD) di Selangor dan Kuala Lumpur bagi membenarkan pesakit kategori 1 (tidak bergejala) dan 2 (bergejala ringan) untuk dikuarantin atau dirawat di rumah.

Mengenai peningkatan melebihi 3,000 kes, beliau berkata, masyarakat perlu mengambil iktibar situasi COVID-19 di India supaya tidak leka dengan terus patuh prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Kelekaan dan ketidakpatuhan masyarakat di sana membuatkan mereka berdepan situasi sangat getir; kes harian naik mendadak sehingga kapasiti atau beban di hospital dan pusat rawatan su-



Pesara kerajaan, Ismail Adam dan isteri, Samsiah Ahmad menerima suntikan dos pertama COVID-19 di Johor Bahru, semalam. (Foto BERNAMA)

dah sampai tahap tepu, selain kekurangan bekalan oksigen di sesetengah tempat di negara itu.

"Semua pihak ambil iktibar, jangan sampai situasi sama di negara ini, kita tidak boleh terus leka.

"Masyarakat juga diminta teliti trend jangkitan di negara ini, punca muncul wabak dan kurangkan pergerakan keluar kerana penting untuk kita menjaga diri," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pusat jagaan ambulatori swasta dan klinik pakar swasta akan berfungsi dalam pemberian vaksin COVID-19 menerusi fasa kedua dan ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) selepas pengamal perubatan am swasta (GP) dan hospital swasta diberi peranan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Lebih banyak fasiliti kesihatan swasta akan terbahagi dalam menjayakan fasa kedua dan ketiga PICK. Pembabit hospital swasta mengambil kira cadangan mereka sendiri yang tidak mahu terkecuali mengemblem tenaga bagi memastikan sasaran sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk Malaysia diberikan imunisasi COVID-19 dicapai segera.

"Oleh itu, kerajaan akan bekalkan vaksin secara percuma kepada hospital swasta bagi memaksimumkan akses pengalihan vaksin dengan lebih meluas kepada rakyat," katanya menambah, pusat jagaan ambulatori swasta dan klinik pakar swasta boleh mendaftar melalui Protect Health Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) di www.protecthealth.com.my, bermula semalam.

Pemohon perlu tempah tarikh suntik AstraZeneca

Kuala Lumpur: Pemohon sukarela yang mahu menerima vaksin AstraZeneca tidak perlu membuat pendaftaran baharu dalam aplikasi MySejahtera, berikutan vaksin terbahagi adalah melalui pusat pemberian vaksin (PPV) khas.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata vaksin berkenaan juga tidak dihadkan kepada mereka yang layak untuk menerima vaksin pada fasa dua Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Katanya, vaksin AstraZeneca hanya diberikan kepada pemohon sukarela susulan pengumuman kerajaan yang dibuat kel-

marin, bahawa vaksin terbahagi tidak akan diguna pakai dalam PPV biasa.

"Ini bermakna pemohon sukarela tidak perlu membuat pendaftaran baharu dalam MySejahtera, tetapi mereka yang mahu menerima vaksin AstraZeneca, perlu membuat tempahan tarikh dan masa janji temu bagi keperluan urusan logistiknya.

"Pemohon sukarela itu adalah mereka yang sudah melihat segala fakta mengenai vaksin itu dan penilaian kesihatan ke atas mereka akan dibuat sebelum diberikan dos suntikan," katanya yang memberi maklum balas pertanyaan di twitter, semalam.

Rata-rata pengguna twitter mempersoalkan apa yang terjadi dengan pendaftaran terdahulu melalui aplikasi MySejahtera, berikutan Khairy pada sidang media Mingguan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) kelmarin, memaklumkan vaksin AstraZeneca berlandaskan siapa cepat, dia dapat.

Kelmarin, Khairy yang juga menteri penyelaras program dilaporkan berkata, vaksin itu tidak dihadkan kepada mereka yang layak untuk menerima vaksin dalam fasa dua program imunisasi.

Semua 268,800 dos vaksin keluaran AstraZeneca diterima negara ini pada Sabtu lalu dan di-

jangka mula diberikan secara sukarela di Selangor dan Kuala Lumpur melalui PPV khas.

Khairy berkata, pihak Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) membuat pertimbangan sedemikian, berikutan bilangan kes COVID-19 di Selangor dan Kuala Lumpur masih tinggi.

Sela masa untuk pemberian vaksin itu juga adalah selama 12 minggu, selepas perbincangan dengan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham, sama dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta yang diamalkan di United Kingdom.

Sementara itu, seramai 1,409,215

individu sudah menerima vaksin COVID-19 melalui program imunisasi kebangsaan itu.

Jumlah itu termasuk 537,996 yang sudah melengkapkan dua dos vaksin sehingga kelmarin.

Melalui data dikongsi Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, dalam Twitter, semalam, baki 871,219 pula selesai menerima dos pertama.

Selain itu, berdasarkan maklumat daripada JKJAV, pendaftaran vaksin COVID-19 setakat ini ialah 9,365,711 iaitu 38.60 peratus bagi populasi 18 tahun ke atas dengan 33,298 pendaftaran baharu direkodkan sehingga 11.59 malam kelmarin.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN :

RISIKO MASIH ADA

**Warga emas terima
suntikan vaksin Covid-19
perlu terus patuh SOP**

Putrajaya

Warga emas yang sudah menerima suntikan vaksin Covid-19 diingatkan untuk terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) memandangkan mereka masih berisiko untuk dijangkiti, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, meskipun sudah divaksinasi, warga emas perlu menggunakan pelitup muka apabila keluar rumah serta mengamalkan penjarakan fizikal kerana vaksin berkenaan berkesan selepas dua minggu suntikan dos kedua.

"Mereka (warga emas) divaksinasi ini masih boleh dijangkiti. Oleh itu, disarankan untuk terus patuh kepada SOP dan elakkan 3S iaitu kawasan yang sesak, elakkan kawasan sempit dan elak sembang atau bertutur dengan jarak dekat," katanya.

Dr Noor Hisham sebelum

ini memaklumkan 40 petugas kesihatan dijangkiti Covid-19 selepas melengkapkan dos vaksinasi mereka dengan sembilan orang dilaporkan dijangkiti selepas lebih dua minggu menerima dos kedua sementara 31 lagi dijangkiti dalam tempoh kurang daripada dua minggu selepas inokulasi.

Dr Noor Hisham berkata, mereka yang dijangkiti selepas divaksinasi hanya mengalami gejala ringan selain ia tidak membawa muarat dan mampu menyelamatkan nyawa.

"(Vaksin) memberi perlindungan dalaman manakala pematuhan SOP akan memberikan perlindungan luaran daripada dijangkiti Covid-19," katanya.

Fasa 2 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan memberi keutamaan kepada warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan golongan berisiko tinggi yang memiliki sejarah penyakit kronik bermula 19 April.

**“
Mereka (warga
emas) divaksinasi
ini masih boleh
dijangkiti
Dr Noor
Hisham**

Kes baharu Covid-19 kembali catat peningkatan

Kuala Lumpur: Kes baharu jangkitan Covid-19 di negara ini kembali mencatatkan peningkatan apabila sebanyak 3,332 kes dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu bertambah kepada 404,925 kes dengan kebolehjangkitan 28,093 kes.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu itu, sembilan adalah kes import manakala 3,323 kes penularan tempatan.

Beliau turut memaklumkan sebanyak 1,943 kes sembuh direkodkan semalam menjadikan jumlah kumula-

tif kes sembuh 375,340 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,083 kes (32.5 peratus). Daripada jumlah ini, sebanyak 741 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat kes positif Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak 522 kes (15.7 peratus) dan Kelantan sebanyak 401 kes (12.0 peratus).

"Sebanyak 45 kes yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster DTI Lenggeng (43 kes) dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (2 kes)," katanya dalam kenyataan, semalam.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kes melebihi 3,000 dua hari berturut

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Negara kekal melaporkan kes harian melebihi 3,000 bagi dua hari berturut-turut dengan 3,332 kes semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 mencecah 404,925 kes.

Angka kes aktif kebolehhjangan juga terus meningkat setiap hari dengan semalam sebanyak 28,093 kes, manakala sebanyak 1,943 kes sembuh dan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 375,340 kes.

Terdapat 15 kematian dilaporkan di Kelantan, Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak, Johor dan Sabah melibatkan enam lelaki dan sembilan wanita berusia antara 26 hingga 91 tahun, menjadikan sebanyak 1,492 kes kematian Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor melaporkan kes tertinggi sebanyak 1,083 kes dengan 741 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat, diikuti oleh Sarawak sebanyak 522 kes dan Kelantan sebanyak 401 kes.

"Sebanyak 83 kluster merekodkan pertambahan kes dengan 12 daripadanya kluster baharu melibatkan empat kluster komuniti, masing-masing tiga kluster institusi pendidikan Kement-



SEORANG warga emas Shelkh Mohamad Tahir, 90, menerima suntikan vaksin sempena Program Vaksinasi Fasa II untuk warga emas di Dewan Muafakat Johor Adda Heights, Johor Bahru. – RAJA JAAFAR ALI

rian Pendidikan (KPM) dan kluster tempat kerja serta dua kluster keagamaan.

"Kluster tersebut ialah Kluster Bukit Rotan (16 kes), Kluster Sileng Dayak (72 kes), Kluster Kampung Pemanok (27 kes), Kluster Raub Jaya (54 kes), Kluster Tabuan Jaya (22 kes), Kluster Batu Lada (21 kes), Kluster Jalan Abdul Rahman Andak (12 kes)," katanya dalam

satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, selebihnya ialah Kluster Jalan RP Tiga (46 kes), Kluster Jalan Tiga Belas - Tiga (14 kes), Kluster Jalan Adika Raja (34 kes), Kluster Kampung Parit Bunga (lapan kes) dan Kluster Jalan Pokok Assam (14 kes).

Ujarnya lagi, empat kluster tamat semalam iaitu Kluster Tapak Bina Jalan Usahawan, Kluster

Jalan Azlan, Kluster Banggol Chicha dan Kluster Jalan Sebelas, menjadikan sebanyak 1,260 kluster ditamatkan.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, sehingga semalam sebanyak tiga Variant of Concern (VOC) SARS-CoV-2 dikenal pasti iaitu varian B.1.351, B.1.1.7 dan B.1.1.28 (P1).

Katanya, sebanyak 40 negara

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

Jumlah	
Kes baharu	3,332
Import:	9
Tempatan:	3,323
Pulih	1,943
Kematian	15
Masih dirawat	28,093
Jumlah kes sembuh	375,340
Jumlah Kematian	1,492
Jumlah kes keseluruhan	404,925

dikesan dengan kewujudan VOC SARS-CoV-2 meliputi negara-negara antaranya di Benua Amerika, Benua Eropah, Benua Timur Tengah, Benua Afrika dan Benua Asia.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Institut Kesihatan Negara (NIH) akan sentiasa mengemaskini senarai negara dengan kewujudan VOC SARS-CoV-2 dan akan memaklumkan kepada umum dari semasa ke semasa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes positif Covid-19 terus meningkat

Catat 3,332 kes baharu melibatkan 15 kematian

KUALA LUMPUR

Kes positif baharu Covid-19 terus melepasi angka 3,000 dengan 3,332 kes dilaporkan pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham



DR NOOR HISHAM

Abdullah berkata, daripada jumlah berkenaan dalam tempoh 24 jam lalu, Selangor merekodkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 1,083 kes diikuti Sarawak dengan 522 kes dan Kelantan 401 kes.

Ia kemudian diikuti Kuala Lumpur yang merekodkan 359 kes; Johor (207); Pulau Pinang (158); Sabah (131); Negeri Sembilan (111); Kedah (105); Pahang (92); Perak (91); Melaka (43); Terengganu (19); Putrajaya (sembilan) dan Perlis (satu).

Bagaimanapun, Labuan tidak merekodkan sebarang kes positif baharu Covid-19 dalam tempoh berkenaan.

Sementara itu, menerusi kenyataan rasmi mengenai perkembangan Covid-19 pada Khamis, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kumulatif kes positif Covid-19 kini adalah 404,925.

Katanya, dalam tempoh 24 jam lepas juga, 1,943 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah kumulatifnya 375,340 manakala kes aktif kini 28,093.

“Sejumlah 309 kes sedang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 147 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan dan terdapat pertambahan 15 kematian menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat wabak itu kini 1,492,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, 12 kluster baharu dikenal pasti me-

libatkan empat kluster komuniti, masing-masing tiga kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan dan kluster tempat kerja serta dua kluster keagamaan.

Menurutnya, kluster komuniti masing-masing satu dilaporkan di Selangor (Kluster Bukit Rotan), Sarawak (Kluster Sileng Dayak), Kelantan (Kluster Kampung Pemanok) dan Pahang (Kluster Raub Jaya).

“Sementara tiga kluster institusi pendidikan dilaporkan masing-masing satu di Sarawak (Kluster Tabuan Jaya), Kelantan (Kluster Batu Lada) dan Johor (Kluster Jalan Abdul Rahman Andak) sementara tiga kluster tempat kerja dilaporkan dengan dua di Selangor iaitu Kluster Jalan RP Tiga dan Jalan Tiga



Belas-Tiga dan satu di Perak (Kluster Jalan Adika Raja).

“Kluster keagamaan pula dilapor masing-masing satu di Johor (Kluster Kampung Parit Bunga) dan Perak (Kluster Jalan Pokok Assam),” kata beliau lagi.


Tambah beliau, selain kluster baharu, sebanyak 83 kluster mencatat peningkatan kes dengan pertambahan kes baharu paling tinggi pada Khamis adalah Kluster DTI Lenggeng (43), Kluster Raub Jaya (38) dan Kluster Jalan Adika Raja (33).

Dr Noor Hisham berkata, empat kluster tamat pada Khamis menjadikan jumlah keseluruhan kluster yang ditamatkan ialah 1,260 kluster manakala jumlah kluster aktif ialah 378. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
404,925	375,340	309	1,492	+3,332	1,409,215



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 401,593 kes kepada 404,925 kes

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/BERIC

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Boleh kemuka rayuan kepada KKM

KOTA BHARU – Polis menyarankan peniaga atau pemilik premis yang dikenakan kompaun RM50,000 sebelum ini membuat rayuan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapatkan kadar pengurangan kompaun.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat berkata, merujuk kepada kompaun tiga peniaga yang tular di negeri ini, pihak KKM telah memaklumkan kesemua pemilik premis itu akan dipertimbangkan kadar pengurangan kompaun.

“Satu perbincangan telah diadakan membabitkan polis dan KKM negeri ini pada Rabu dan Kementerian Kesihatan mempunyai bidang kuasa untuk menawarkan kadar pengurangan kompaun,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Kenyataan itu merujuk kepada kompaun RM50,000 yang dikenakan kepada tiga peniaga di negeri ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :

Hospital kritikal

Katil, ICU
penuh rawat
pesakit Covid-19

Oleh MAISARAH SHEIKH
RAHIM, JUANI MUNIR ABU
BAKAR, ZAAIN ZIN dan ROSLIZA
MOHAMED

utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Penggunaan katil bagi merawat pesakit Covid-19 di hospital kerajaan kritikal apabila sudah mencapai 80 hingga 100 peratus terutama di negeri-negeri yang berlaku peningkatan mendadak kes positif.

Kapasiti guna katil, wad dan unit rawatan rapi (ICU) di hospital-hospital swasta di Lembah Klang juga sudah 100 peratus.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, beberapa hospital awam di Selangor, Wilayah Persekutuan, Kelantan dan Johor selain Sarawak mencapai tahap maksimum walaupun purata keseluruhan penggunaan katil di 72 hospital merawat wabak kini meliputi 54 peratus manakala rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) pula 43 peratus.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Hospital kritikal

Dari muka 1

Dr. Adham berkata, lebih membimbangkan apabila kadar penggunaan katil (BOR) bagi pesakit di hospital-hospital serta enam PKRC di Kelantan hampir penuh akibat peningkatan mendadak kes itu dalam tempoh 14 hari lalu.

BOR terkini di hospital dan enam PKRC sedia ada di negeri itu sudah mencapai 80 peratus dan ke atas malah ada beberapa lokasi yang sudah mencecah lebih 100 peratus.

Bagaimanapun, Dr. Adham berkata, pengurusan fasiliti kesihatan awam merawat pesakit Covid-19 berjalan lancar dan pihaknya terus menyusun strategi terbaik bagi menempatkan pesakit supaya tidak berlaku sehingga tahap berbahaya.

Justeru, beliau meminta orang ramai memberi kerjasama terutama tidak melakukan perjumpaan besar atau berkumpul beramai-ramai bagi mengelakkan Covid-19 terus menular.

Dr. Adham memberitahu, larangan rentas negeri ketika ini, terutama untuk pulang ke kampung menyambut Aidilfitri bukan dibuat suka-suka bagi menyekat pergerakan rakyat.

"Petugas kesihatan terbeban sekarang ini, mereka pun nak balik raya juga. Namun sebagai agensi utama dalam menangani kes pandemik ini walaupun berada dalam

keadaan tertekan, kita laksanakan yang terbaik bagi memastikan kesihatan rakyat dapat dipenuhi.

"Kita belum menang dalam mengatasi wabak kerana kebimbangan ketika ini ialah kehadiran varian baharu. Jangan sampai peristiwa di India berlaku di negara ini kerana akibat perkumpulan dan perjumpaan besar menjadi punca kemerosotan tinggi sehingga mencecutkan krisis di negara itu," kata beliau di sini semalam.

Dr. Adham berkata, pada masa ini, dua hospital di Selangor mencapai lebih 80 peratus iaitu di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Hospital Sungai Buloh manakala di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur (85 peratus) dan Hospital Permai, Jo-

hor (82 peratus).

Selain itu, kata beliau, di Kelantan, Hospital Raja Perempuan Zainab II (90 peratus); Hospital Sultan Ismail Petra (89 peratus), Hospital Tumpat (100 peratus); Hospital Machang (88 peratus) dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) (100 peratus).

Begitu juga di Sarawak, beliau memberitahu, ia melebihi tahap penggunaan 100 peratus, namun Kementerian Kesihatan membuat pertambahan katil seperti di Hospital Bintulu, Hospital Sarikei (109 peratus); Hospital Kapit (lebih 100 peratus).

Menurutnya, pengurusan rawatan Covid-19 di Lembah Klang turut mendapat kerjasama hospital swasta iaitu melalui penubuhan Pusat Kawalan Bersepadu Covid-19 di Maepes, Serdang selain mempunyai 23,366 katil di PKRC seluruh negara untuk merawat pesakit tahap 1, 2 dan 3.

"Walaupun hospital swasta mendakwa hampir penuh, kita mencadangkan kes-kes bukan Covid-19 dihantar ke hospital swasta untuk mengurangkan tekanan sektor awam.

"Pesakit Covid-19 pada tahap 4 dan 5 apabila sudah pulih ke tahap di bawah 3, akan dipindahkan ke PKRC yang mana masih ada ruang dan pada masa ini tahap penggunaannya sebanyak 10,042 katil," katanya.



ADHAM
BABA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Wad hospital swasta penuh

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Peningkatan pesakit Covid-19 dalam tempoh dua minggu sejak kebelakangan ini menyebabkan kapasiti penggunaan katil, wad dan unit rawatan rapi (ICU) hospital swasta sekitar Lembah Klang penuh 100 peratus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Dr. Kuljit Singh berkata, situasi tersebut menyebabkan hospital swasta kini tidak mampu menerima pesakit Covid-19 sekali gus memerlukan perhatian serius semua pihak termasuk kerajaan.

Justeru, beliau mencadangkan agar fasiliti kerajaan ditambah untuk menampung peningkatan pesakit Covid-19 yang kemungkinan bertambah pada masa terdekat.

"Dengan melihat keadaan ini,

semua katil, wad Covid-19 dan ICU hospital swasta sudah tidak mampu menerima lagi pesakit kerana semua telah penuh 100 peratus.

"Paling bimbang ditakuti adalah kekangan memberi rawatan susulan katil dan bantuan oksigen yang terhad kepada orang ramai," katanya.

Sebelum ini, sebanyak 95 hospital swasta yang mempunyai kepakaran dan keupayaan menyatakan persetujuan dengan Kementerian Kesihatan untuk merawat pesakit Covid-19 dengan menawarkan 1,286 katil, selain 65 katil di Unit Rawatan Rapi (ICU) berserta 54 alat bantuan pernafasan.

Kes harian Covid-19 di seluruh negara semalam mencecah 3,332 iaitu melepasi angka 2,000 sejak 15 April lalu.

Sehubungan itu, Dr. Kuljit mencadangkan kepada kerajaan agar kapasiti hospital awam un-



DR. KULJIT SINGH

tuk rawatan Covid-19 ditambah untuk menampung pesakit Covid-19 memandangkan mereka mempunyai ramai tenaga kerja dan banyak kelengkapan berbanding hospital swasta.

Kata beliau, pihaknya bersedia menerima pesakit bukan Covid-19 daripada hospital kera-

jaan dan memberi ruang kepada mereka menambah jumlah katil bagi pesakit wabak itu.

"Kita mencadangkan pesakit bukan Covid-19 yang menjalani rawatan di hospital kerajaan dihantar mendapatkan rawatan di fasiliti swasta dengan segala kos rawatan ditanggung kerajaan.

"Keadaan ini secara langsung dapat mengurangkan beban ditanggung hospital kerajaan dan kemudian mereka boleh memberi tumpuan kepada pesakit Covid-19," katanya.

Dr. Kuljit menambah, orang ramai perlu mengambil serius perkara itu dan membantu mengurangkan penularan wabak Covid-19 bagi mengelakkan kesesakan di hospital.

"Kalau tiada urusan, sila duduk di rumah masing-masing, elakkan menghadiri tempat sesak dan menyertai aktiviti sosial," katanya.

* AstraZeneca selamat, perokok lebih berisiko alami darah beku

PETALING JAYA: Perokok tegar dan wanita yang mengambil pil perancang lebih berisiko mengalami darah beku dan berdepan kematian berbanding kejadian yang membabitkan penerima vaksin AstraZeneca.

Justeru kes kematian akibat suntikan vaksin AstraZeneca setakat ini boleh disifatkan sebagai kes terencil.

Pengamal perubatan keluarga, Pusat Perubatan Universiti Malaya (UM), Dr. Woweham Sindh berkata, orang ramai tidak perlu bimbang menerima vaksin itu kerana hanya 0.0004 peratus atau satu daripada sejuta penerima berisiko mengalami darah beku setakat ini.

Menurut beliau, ia jauh berbeza dengan 1,200 kes daripada sejuta wanita yang mengambil pil perancang dan 1,763 daripada sejuta perokok berisiko alami darah beku.

"Semua pihak perlu menilai keselamatan vaksin ini dengan melihat kepada peratusan faktor risiko dan bukannya semata-mata berfokus kepada kes darah beku seperti di beberapa negara luar.

"Kita juga tidak boleh membuat kesimpulan setiap kali ada yang mati disebabkan suntikan AstraZeneca, maka vaksin itu dikatakan sebagai berbahaya. Kena rujuk berapa kerap kes itu berlaku," kata



BEBERAPA kes kematian akibat darah beku selepas mengambil vaksin AstraZeneca menimbulkan kebimbangan kalangan orang ramai namun pakar kesihatan berpendapat ia kes terencil.

beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaludin berkata, sebanyak 268,600 dos vaksin AstraZeneca akan diberikan secara terbuka kepada orang ramai dan sukarela atas terma 'siapa cepat dia dapat'.

Kenyataan itu sekali gus menimbulkan persepsi dalam kalangan orang ramai bahawa AstraZeneca kurang efektif dan tiada nilai.

Senada dengan Woweham, pegawai perubatan, Datuk Dr.

Kuljit Singh berkata, semua jenis vaksin Covid-19 termasuklah AstraZeneca akan memberi kesan sampingan namun orang ramai tidak perlu bimbang kerana ia telah dijamin selamat.

Menurut beliau, apa yang perlu sekarang kerajaan menggunakan penyampaian lebih jelas berhubung pemberian vaksin AstraZeneca bagi mengelakkan kekeliruan terhadap orang ramai sehingga menggagalkan matlamat Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Menurut beliau, pengambilan

vaksin AstraZeneca yang didakwa berbahaya dan berisiko menyebabkan gumpalan darah adalah tanggapan salah kerana tidak mungkin Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) meluluskan vaksin tersebut jika benar mengancam keselamatan dan nyawa orang awam.

"Vaksin tidak berbahaya kerana kesan sampingan yang wujud hanya membabitkan peratusan kecil. Cuma, cara maklumat disampaikan itu mungkin kurang jelas sehingga orang berfikir vaksin tidak selamat," ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

KLANG VALLEY SITUATION

'MOST HAVE REACHED FULL COVID-19 CAPACITY'

No more room in private hospitals, public urged to take shortage of beds seriously

VEENA BABULAL
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MOST private hospitals, especially those in the Klang Valley, have reached their capacity for Covid-19 patients.

Association of Private Hospitals Malaysia president Datuk Dr Kuljit Singh said most private hospitals could no longer accept Covid-19 patients.

"Over the past two weeks, they have recorded a steep acceleration in beds occupied within designated wards and ICU (Intensive Care Unit) beds. Even ICU beds are filled up."

He said the situation reached a point where most private hospitals, particularly those in the Klang Valley, were no longer able to accept Covid-19 patients.

He said the situation was grim as government facilities in the Klang Valley and possibly in Johor were filling up fast.

"Our hope is the public will take this shortage of beds in hospitals seriously and be responsible in making sure the spread is curtailed and all preventive standard operating procedures are adhered to."

"The biggest fear would be if we face a healthcare shutdown because of non-availability of beds

and oxygen treatment."

He reiterated his call to the government to decant non-Covid-19 patients to private facilities to give public hospitals space to handle those with Covid-19 infections.

Dr Kuljit said it should be done at the cost that was agreed on last year and that treatment for these patients should be fully funded by the government.

